

SOALAN NO: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pengangguran sehingga 1 Februari 2018 dan langkah untuk membantu kumpulan ini.

PR-1361-T01903

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran pada suku tahun keempat 2017 adalah pada kadar 3.4% dengan jumlah penganggur seramai 505,800 orang berbanding seramai 512,200 orang pada tahun 2016. Manakala pada Januari 2018 kadar pengangguran ini kekal dengan kadar 3.4% dengan jumlah penganggur seramai 516,460 orang. Berdasarkan kadar pengangguran bagi tahun 2000 hingga Januari 2018 kekal di bawah 4 peratus iaitu dalam lingkungan 2.9% hingga 3.7%. Senario kadar pengangguran di bawah kadar 4.0 % menunjukkan ekonomi negara kekal beroperasi dalam keadaan guna tenaga penuh(*full employment*).
2. Kementerian Sumber Manusia (KSM), telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu pencari kerja terutamanya di kalangan para belia dan graduan yang dikategorikan sebagai pengangguran geseran iaitu jangka masa waktu menunggu untuk mendapatkan pekerjaan ialah dalam lingkungan empat bulan setengah (4.5 bulan) setelah menamatkan pengajian.
3. Antara program yang telah dilaksanakan ialah penganjuran Karnival Pekerjaan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah di seluruh negara yang diadakan sepanjang tahun. Bagi tujuan tersebut

juga, pihak Jabatan dengan kerjasama Universiti Awam (UA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) telah bekerjasama bagi mengadakan Karnival Pekerjaan tersebut di lokasi yang telah ditetapkan oleh pihak tersebut bagi memudahkan para bakal graduan, lepasan graduan dan pencari kerja untuk dipadankan dengan kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh majikan. Ia menjadi *platform* bagi para pencari kerja dan majikan untuk bertemu dan mendapatkan pekerjaan dan calon pekerja yang sesuai dengan kehendak mereka.

4. Bagi tujuan tersebut juga, Pihak Kementerian Sumber Manusia telah bekerjasama dengan Kementerian Kewangan Malaysia melalui agensi yang terlibat turut menganjurkan Program *JobFair@UTC* yang diadakan sebanyak 2 program pada tahun 2017. Ianya diteruskan melalui penganjuran *JobFair@UTC* 4.0 Tahun 2018 yang telah diadakan pada 3 Mac 2018 (Sabtu), melibatkan sebanyak 12 UTC Negeri dan 3 Pusat *JobsMalaysia* di seluruh Negara. Melalui program ini, impak yang positif dalam menyampaikan perkhidmatan pekerjaan yang berkualiti kepada rakyat telah dilaksanakan melalui penubuhan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh Negara.

5. Kementerian juga telah mengambil langkah yang proaktif dengan menubuhkan Pusat Sehenti Perkhidmatan Pekerjaan Kebangsaan di semua UTC Negeri di mana Pusat *JobsMalaysia* beroperasi. Bagi tujuan ini, Agensi seperti Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), TERAJU, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)

dan PERKESO turut memberikan perkhidmatan setempat kepada golongan sasaran iaitu pencari kerja.

6. Pelbagai program yang bermanfaat dan berfaedah telah dilaksanakan sepanjang program karnival tersebut termasuk Program Penyesuaian Kerjaya (2PK) di mana beberapa modul yang relevan kepada bakal para pencari kerja dan graduan diperkenalkan seperti Ujian Personaliti, *Tips* Menghadiri Temuduga, Penulisan Resume, Pengurusan Kewangan dan Pembangunan Kerjaya (Ceramah Kerjaya, Klinik Kerjaya, Ikon Kerjaya). Program ini dilaksanakan di setiap Program Karnival Kerjaya anjuran JTK peringkat negeri dan daerah.

7. Berdasarkan rekod JTKSM, sepanjang tahun 2017 seramai 183,433 pencari kerja berjaya ditempatkan dalam pekerjaan. Dari jumlah ini seramai 57,320 orang adalah pencari kerja dari kalangan siswazah dan seramai 126,113 orang adalah pencari kerja dari kalangan bukan siswazah. Pada tahun 2018 sehingga 28 Februari, program-program ini telah berjaya menempatkan seramai 31,239 orang pencari kerja ke alam pekerjaan. Dari jumlah ini seramai 9,583 orang pencari kerja adalah dari kalangan siswazah manakala seramai 21,656 orang adalah dari kalangan bukan siswazah.